

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HSK 402 Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan. SATU[1] soalan daripada setiap Bahagian A dan B dan SATU [1] soalan lagi dipilih daripada mana-mana Bahagian A atau B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Sesuatu perkara itu dijadikan fakta sejarah oleh ahli sejarah dengan memberikannya nyawa dalam bentuk interpretasi. Tanpa interpretasi perkara itu tidak boleh dianggap sebagai fakta sejarah." (E.H. Carr).

Bincangkan.

2. "Memang benar bahawa tokoh itu perlu bertindak mengikut kehendak masyarakat demi membawa impak ke atas sesuatu peristiwa sejarah. Namun, hak untuk menentukan kepentingan yang mana harus diperjuangkan dan yang mana harus diketepikan masih dipegang oleh tokoh berkenaan." (Sidney Hook).

Bincangkan.

3. "Tidak dinafikan bahawa setiap generasi menulis semula sejarahnya. Namun, penulisan baru tidak menggantikan yang lama; ia hanya menolak sedikit daripada yang lama dan menokok sedikit kepada yang baru. Ini tidak menjadikan penulisan lama itu tidak objektif."

Setujukah anda?

.../2

BAHAGIAN B

4. "Sejarah seharusnya memberi pertimbangan yang wajar kepada aspek-aspek seperti politik, agama, idea-idea dan juga watak-watak utama dan tidak hanya menumpu kepada sistem ekonomi dan kesan-kesannya sahaja." (M.M. Bober).

Nilaikan pandangan ini.

5. Sejauh manakah benar pandangan bahawa kaedah yang dianjurkan oleh aliran **Annales** telah berjaya memantapkan kaedah pensejarahan?
6. "Gaya naratif tidak lagi sesuai dalam pensejarahan kerana kini sejarah tidak lagi bertumpu kepada penceritaan kejadian-kejadian khusus yang disusun mengikut urutan waktu."

Setujukah anda?

-oooOOOooo-